



**PERATURAN PERTANDINGAN ACARA SUKAN TENPIN BOWLING
KARNIVAL SUKAN TM 2014
25HB HINGGA 28HB SEPTEMBER 2014**

1. PERATURAN AM

- 1.1 Selain daripada peraturan-peraturan yang terkandung pada Peraturan Am Pertandingan KARNIVAL SUKAN TM 2014, pertandingan ini akan dijalankan mengikut Peraturan-Peraturan dan Undang-Undang Kongres Bowling Sepuluh Pin Malaysia (MTBC), Persekutuan Bowling Asia (Asian Bowling Federation – ABF dan Persatuan Bowling Sepuluh Pin Dunia (World Tenpin Bowling Association - WTBA).
- 1.2 Semua kejadian am akan diputuskan berasas kepada PERATURAN AM Karnival Sukan TM 2014 dan dibaca bersama dengan Peraturan-Peraturan dan Undang-Undang Kongres Bowling Sepuluh Pin Malaysia (MTBC), Persekutuan Bowling Asia (Asian Bowling Federation – ABF dan Persatuan Bowling Sepuluh Pin Dunia (World Tenpin Bowling Association - WTBA).
- 1.3 Kelab TM Malaysia bersama-sama dengan Kelab TM Kedah dan Perlis akan melantik Majlis Sukan Negeri atau dan Badan Sukan Bertauliah untuk mengendalikan pertandingan bagi acara Tenpin Bowling dengan menggunakan peraturan-peraturan yang dipersetujui bersama kedua-dua pihak dengan dibaca bersama tatacara, peraturan-peraturan dan Peraturan-Peraturan dan Undang-Undang Kongres Bowling Sepuluh Pin Malaysia (MTBC), Persekutuan Bowling Asia (Asian Bowling Federation – ABF dan Persatuan Bowling Sepuluh Pin Dunia (World Tenpin Bowling Association - WTBA).
- 1.4 Majlis Sukan Negeri atau dan Badan Sukan Bertauliah akan melantik seorang Ketua Penyelaras Sukan Tenpin Bowling, Pengadil Bertauliah, atau dan pegawai yang perlu untuk menguruskan pengelolaan pertandingan.

2. TARIKH PERLAWANAN

- 2.1 Tarikh Perlawanan akan dilangsungkan pada 25 hingga **28** September 2014.



3. TEMPAT PERLAWANAN

- 3.1 Lokasi perlawanan Tenpin Bowling akan diadakan di C.T WORLD LEISURE SDN BHD Tingkat 5 , City Plaza, Jalan Tunku Ibrahim Alor Setar, Kedah.

4. CARA PERMAINAN

- 4.1 Tiap-tiap satu permainan (game) akan dilangsungkan di atas sepasang lorong. Individu atau pasukan akan mengikut susunannya bermain satu frame pada satu lorong yang di sebelahnya. Cara permainan ini akan digunakan sehingga permainan itu tamat.

5. PENDAFTARAN PEMAIN

- 5.1 Setiap pasukan dibenarkan mendaftar 5 orang pemain dan seorang pegawai/pemain.
- 5.2 Jawatan seorang pegawai hendaklah disebut di dalam borang.
- 5.3 Senarai pendaftaran ini hendaklah disertakan dengan butiran dan maklumat seperti berikut:-
- 5.3.1 Nama penuh pemain, acara dan 1 orang pegawai serta jawatan.
- 5.3.2 Salinan Kad Pengenalan atau dokumen yang berkaitan.
- 5.3.3 Salinan passcard pekerja.
- 5.4 Borang ini hendaklah disahkan oleh Pengurus Besar Negeri/Presiden Kelab TM Negeri atau Naib Presiden Kelab TM Negeri masing-masing.

6. ACARA-ACARA YANG AKAN DIPERTANDINGKAN

- 6.1 Kategori yang akan dipertandingkan:-
- 6.1.1 Perseorangan Lelaki
- 6.1.2 Perseorangan Wanita
- 6.1.3 Trio (2 lelaki, 1 wanita)
- 6.2 (Seorang dibenarkan bermain 2 Acara sahaja) kiraan point berdasarkan point Kemenangan.



7. MESYUARAT PENGURUS PASUKAN

- 7.1 Mesyuarat pengurus pasukan akan diadakan sebagaimana diberitahu kelak.
- 7.2 Senarai peserta yang disahkan semasa taklimat pengurus pasukan adalah muktamad. Selepas taklimat pengurus pasukan sebarang permohonan /pertukaran/gantian tidak dibenarkan.
- 7.3 Undian pembahagian lorong permainan akan dibuat semasa taklimat pengurus pasukan atau pada tarikh perlawanan.

8. SISTEM PERTANDINGAN

- 8.1 Setiap peserta diwajibkan bermain lima (5) game dan setiap peserta hanya dibenarkan bermain dalam 2 kategori sahaja.
- 8.2 Mata akan diberikan mengikut kendudukan wakil pasukan/negeri di setiap kategori yang di pertandingkan seperti dalam carta seperti berikut:

Kedudukan	Mata (Perseorangan Lelaki)	Mata (Perseorangan Wanita)	Mata (Trio)
1	15	15	20
2	13	13	17
3	12	12	15
4	11	11	14
5	10	10	13
6	9	9	12
7	8	8	11
8	7	7	10
9	6	6	9
10	5	5	8
11	4	4	7
12	3	3	6
13	2	2	5
14	1	1	4
15	-	-	3
16	-	-	2
17	-	-	1



- 8.3 Kemenangan setiap pasukan akan dikira berdasarkan jumlah mata yang di perolehi setiap individu dan trio (dicampurkan). Jumlah mata terbanyak akan menduduki tempat pertama dan seterusnya.
- 8.4 Jika terdapat pasukan yang mempunyai jumlah mata yang sama pemenang akan ditentukan melalui jumlah jatuh pin seperti yang berikut :-
- 8.4.1** Pemenang akan ditentukan melalui jumlah jatuh pin pemainan trio. Jika masih sama, pemenang akan ditentukan melalui jumlah jatuh pin pemain perseorangan wanita. Jika masih sama, pemenang akan ditentukan melalui jumlah jatuh pin pemain perseorangan lelaki.

9. SKOR

- 9.1 Kesalahan dalam pengiraan skor atau bantahan terhadap keputusan skor mestilah dilaporkan dengan serta-merta kepada pegawai kejohanan. Bantahan yang lambat tidak akan dilayan.
- 9.2 Perlanggaran peraturan permainan mestilah dibawa kepada perhatian pegawai kejohanan atau Lane Marshal sebelum balingan yang kedua. Tiada aduan atau bantahan akan dilayan setelah peserta tersebut membuat balingan kedua dalam frame itu.

10. KEHILANGAN SKOR

- 10.1 Sekiranya terdapat kehilangan skor yang disebabkan kerosakan Monitor TV dan skor-skor itu tidak dapat dikesan, maka peserta-peserta yang terlibat mestilah bermain semula permainan tersebut. Akan tetapi permainan dahulu yang skornya telah dicatat, tidak boleh diubah.

11. PERMAINAN TERGENDALA

- 11.1 Pegawai kejohanan yang bertugas mempunyai kuasa untuk mengarahkan pertukaran lorong sekiranya terdapat kerosakan mesin. Permainan yang tergendala dan tidak boleh diselesaikan akan disambung di lorong lain.

12. MENARIK DIRI

- 12.1. Pasukan atau pemain yang terlewat 15 minit dari masa yang telah dijadualkan bermain akan dianggap sebagai menarik diri serta kemenangan akan diberikan kepada pihak lawan.



- 12.2. Menarik diri (walk over) adalah tidak dibenarkan sama sekali. Jika ianya berlaku maka pasukan atau pemain akan dianggap menarik diri dari keseluruhan pertandingan.

13. BANTAHAN

- 3.1. Sebarang bantahan hendaklah dibuat secara bertulis SEBELUM PERMAINAN ATAU TIDAK LEWAT DARI 30 MINIT SELEPAS PENGADIL MENGUMUMKAN KEPUTUSAN. Bantahan ini hendaklah dikemukakan dengan menggunakan Borang Bantahan yang disediakan dan diserahkan kepada Pengerusi Jawatankuasa Teknikal Dan Pertandingan KARNIVAL SUKAN TM 2014 berserta sekali wang tunai sebanyak RM1,000.00 (Ringgit Malaysia Satu Ribu sahaja). Wang ini cuma akan dikembalikan jika bantahan tersebut berjaya setelah ditolak 50% bayaran pengurusan.

4. JAWATANKUASA BANTAHAN DAN RAYUAN

- 4.1. Pengerusi Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan KARNIVAL SUKAN TM 2014 perlu menyerahkan borang dan wang tunai berkenaan untuk dirujuk kepada Jawatankuasa Bantahan dan Rayuan yang dilantik oleh Pihak Pengelola Kejohanan ini. Jawatankuasa Bantahan dan Rayuan sebagaimana berikut:
- 4.1.1. Timbalan Presiden Kelab Malaysia Merangkap Pengerusi Jawatankuasa Bantahan dan Rayuan
 - 4.1.2. Naib Presiden Biro Sukan Kelab TM Malaysia
 - 4.1.3. Pengerusi Bersama KARNIVAL SUKAN TM
 - 4.1.4. Ketua Pengadil Pertandingan yang dilantik
 - 4.1.5. Ketua Sekretariat Penganjur
 - 4.1.6. Seorang AJK Pertandingan dilantik oleh Pengerusi Jawatankuasa Bantahan dan Rayuan.
- 4.2. Pengerusi Jawatankuasa Bantahan dan Rayuan memulakan persidangan pada waktu yang sama sebaik sahaja Pengerusi Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan KARNIVAL SUKAN TM 2014 menyerahkan borang bantahan dan wang tunai.



- 4.3. Keputusan Rayuan akan dibuat atau dimaklumkan dalam masa dua puluh empat jam (24 jam) selepas Jawatankuasa Bantahan dan Rayuan bersidang.
- 4.4. Keputusan yang dibuat oleh Ketua Pengadil atau dan Jawatankuasa Pertandingan atau dan Bersama-sama Pengelola Kejohanan adalah mutamad.

5. HAL-HAL YANG TIDAK DIPERUNTUKKAN

- 5.1. Segala hal yang tidak diperuntukkan di bawah peraturan-peraturan ini atau soal perbezaan tafsiran akan diputuskan oleh Kelab TM Malaysia bersama-sama dengan Kelab TM Kedah dan Perlis dipandu nasihat oleh Majlis Sukan Negeri atau dan Badan Sukan Bertauliah yang mengendalikan pertandingan bagi acara Tenpin Bowling dengan dibaca bersama-sama sekali Peraturan-Peraturan dan Undang-Undang Kongres Bowling Sepuluh Pin Malaysia (MTBC), Persekutuan Bowling Asia (Asian Bowling Federation – ABF dan Persatuan Bowling Sepuluh Pin Dunia (World Tenpin Bowling Association - WTBA).

6. HADIAH

- 6.1. Hadiah yang disediakan adalah seperti berikut:

EMAS	PERAK	GANGSA
1	1	1

- 6.2. Hadiah kemenangan yang diiktiraf bagi acara sukan ini akan disediakan oleh pengelola untuk 5 orang.

Disediakan Bersama oleh:
Kelab TM Malaysia dan AJK Pertandingan dan Teknikal
KASTEL 2014
Kedah/Perlis



**BORANG BANTAHAN
ACARA SUKAN TENPIN BOWLING
KARNIVAL SUKAN TM 2014
25HB HINGGA 28HB SEPTEMBER 2014**

NEGERI :

Nama Pengurus :

Tandatangan :

Tarikh :

Bantahan Yang Dibuat Dengan Menyertakan Wang Bantahan Sebanyak RM1,000.00 Di atas Perkara / Isu :-

.....

.....

.....

.....

Tandatangan :

Nama :

Untuk kegunaan pihak sekretariat

Dengan ini pihak sekretariat mengesahkan menerima bantahan dari pasukan seperti nama yang tertera di atas.

Diterima oleh: _____ No Kd Pengenalan _____

Tarikh Penerimaan: _____ tandatangan penerima : _____